# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 10 — RABU 5HB MACH, 1980. — 1400 رابو 17 ربيع‌الاخير — PERCHUMA

## BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG BERANGKAT TIBA

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tengku Hajjah Afzan serta rombongan telah berangkat tiba pagi semalam untok memulakan lawatan sa-lama sa-minggu ka-negeri ini.

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan rombongan yang menaiki kapalterbang eksekutif Kerajaan Malaysia telah selamat mendarat kira2 pukol 10.21 pagi di-Lapangan Terbang Antarabangsa disini dan telah di-sambut oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Turut serta mengalu2kan keberangkatan Baginda Yang Dipertuan Agong dan rombongan itu termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal, YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah, YTB Penasehat Umom Baginda Sultan, YAB Menteri Besar, YB Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Ahli2 Yang Berhormat, YDM Pehin2 dan pegawai2 kanan Kerajaan.

Sa-jurus ketibaan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah bersalaman dengan Baginda Yang Dipertuan Agong dan memperkenalkan kapada Kerabat2 Diraja yang kemudian-nya Baginda berdua menaiki pentas khas bagi menerima tabek hormat Diraja dari dua buah pasokan kawalan kehormatan yang terdiri dari 480 orang anggota Pulis Diraja dan Askar Melayu Diraja dengan di-iringi lagu kebangsaan Negara Ku dan Allah Selamatkan Sultan oleh pasokan pencharagam gabongan Askar Melayu Diraja dan Pulis Diraja.

Lihat muka 16



DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, mengalu2kan keberangkatan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pagi semalam.

## Tengku Mahkota Pahang mengadap Baginda Sultan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah ibni Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Tengku Haji Ahmad Shah telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana di-sini pada hari Jumaat yang baru lalu.

Keberangkatan DYTM Tengku Mahkota Pahang di-Istana Darul Hana telah di-iringi oleh Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman dan Yang Teramat Mulia Tengku Aziz, adinda kapada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong serta rombongan Diraja Pahang yang lain.

Turut berangkat di-istiadat tersebut ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

DYTM Tengku Mahkota Pahang yang tiba dengan rombongan sa-ramai 12 orang di-Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada tengahari hari Jumaat ada-lah bagi mengetuai Pasokan Polo Diraja Pahang dalam Pertandingan Polo Antarabangsa yang telah di-langsongkan sejak 29hb Februari yang lalu.

Keberangkatan tiba DYTM Tengku Mahkota Pahang di-Lapangan Terbang tersebut telah di-alu2-

Lihat muka 16



DYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah dan YAM Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman ketika mengadap Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana pada hari Jumaat yang lalu.

## Polo Antarabangsa Brunei kali ke-3:

## KEHANDALAN PASOKAN DYMM SUKAR DI-TANDINGI

JERUDONG. — Brunei sekali lagi menganjorkan perlawanan polo antarabangsa kali ketiga, apabila perlawanan siri pertama-nya bermula pada Jumaat lepas.

Sa-banyak 15 pasokan disenaraikan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut, sembilan di-antaranya ia-lah peserta2 dari luar negeri ia-itu Selangor, Johor, Pahang, Berlin (Jerman), Singapura, Hong Kong, Filipina, United Kingdom dan Sarawak.

Brunei mengeluarkan enam pasokan termasok pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang kerap kali menjadi juara dan di-sifatkan sa-bagai pasokan yang terhandal dalam perlawanan2 yang telah lalu.

Apa-kah pasokan Baginda pada kali ini akan dapat mempertahankan kehandalan-nya terutama di-tangan penchabar utama-nya ia-itu pasokan Pahang yang juga terkenal dengan kehandalan-nya.

Tetapi kehandalan pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ternyata semakin jelas dan menchapai mutu permainan yang amat membanggakan apabila ianya dengan mudah menewaskan Hong Kong dengan terok-nya sa-hingga pasokan Hong Kong tidak dapat mengutip sebarang mata pun ia-itu 11-0. Kejayaan yang chemerlang ini di-perolehi oleh pasokan Baginda dalam perlawanan pembukaan di-Jerudong Park pada petang hari Jumaat lepas.

Di-perlawanan pembukaan itu sa-lain dari pasokan Baginda, pasokan2 Brunei yang lain-nya juga telah memperlihatkan kehandalan masing2 apabila mereka berjaya menewaskan pasokan2 luar negeri.

Kedudokan keseluruhannya ia-lah :

**Perlawanan 29hb Februari**

Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menewaskan Hong Kong, 11-0.

Pasokan Pulis Diraja Brunei menewaskan Singapura 6½-3.

Pasokan Jerudong Park menewaskan Kelab Polo Berlin, 10-1½.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei mengalahkan Selangor, 8-2.

**Perlawanan 1hb Mach**

Singapura mengalahkan Hong Kong, 6-3½.

Selangor mengalahkan Kelab Polo Berlin 11-4½.

Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalahkan

Lihat muka 16

## Manis-nya Iman

**"PADA suatu hari sedang Rasulullah s.a.w. akan mengimamkan sembahyang tiba2 beberapa orang sahabat bertanya satu sama lain akan sa-orang yang bernama Malik bin Ad-Dukhshum : "Mana dia?" Sa-orang di-antara mereka mengatakan : "Ah ! Dia itu orang munafik, tiada kasehkan Allah dan Rasul-Nya". Maka Rasulullah s.a.w. pun bersabda : "Jangan engkau berkata begitu ! Tidak-kah engkau tahu dia telah menguchapkan 'LA-ILLAH HA ILLAL-LAH' ? Dia menguchap sedemikian itu dengan maksud mendapat keredhaan Allah juga". — HADITH Nabi riwayat Bukhari dan Muslim daripada 'Etban.**

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
5HB MACH, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

# Menghasilkan bahan2 bachaan yang berfaedah

GESAAN Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof ketika membuka rasmi mashuarat agong Asterawani baru2 ini supaya penulis2 badan itu akan lebeh bergiat untok menghasilkan bahan2 bachaan yang berfaedah di-negeri ini perlu sekali di-ambil perhatian agar gesaan itu bukan hanya tinggal sa-bagai gesaan malah ia-nya akan menjadi suatu pernyataan yang dapat di-boktikan dan dengan itu pula dapat mengketengahkan penulis2 Asterawani sa-bagai angkatan penulis yang benar2 berbakat dan bertangong-jawab membimbing masharakat negeri ini sa-bagai masharakat yang berkesedaran terhadap nilai sastera tanah ayer-nya.

Sa-sunggoh-nya menghasilkan bahan2 bachaan yang berfaedah saperti yang di-serukan itu ada-lah memerlukan suatu ketabahan dan kebolehan dayachipta yang tinggi mutu pengolahan dan penghasilan yang benar2 bersandarkan asas yang nyata, munasabah dan tidak berchanggah dengan sa-suatu fahaman atau inspirasi yang di-anuti dan di-ingini oleh masharakat penulis itu sendiri.

Kita sedia maklom sa-bahagian besar bahan2 bachaan yang ada di-pasaran kedai2 buku negeri ini sahingga ketika ini ada-lah hasil penulisan dan terbitan luar negeri terutama-nya penulis2 dan penerbit2 dari negara jiran kita dan sa-bahagian-nya lagi dari negara barat. Jika kita nilai dan fahami sa-chara jujor keselurohan bahan2 tersebut yang berbagai ragam bentok dan hasil karya-nya tentu sekali ia-nya mencherminkan pemikiran penulis berkenaan yang di-padankan dengan inspirasi masharakat dan negara mereka. Dan kita sa-bagai sa-bahagian dari pembacha-nya sa-chara langsong atau tidak langsong akan menurut arah kamana motif penulis itu mengolahkan karya-nya dan ini kesan-nya tentu sekali akan chepat mengelirukan pandangan, chara pemikiran dan kedudokan kita sa-bagai warga-negara ini yang mempunyai chita2 dan tujuan-nya yang tersendiri sa-bagai satu bangsa yang ingin maju dan mempertahankan kemurnian-nya.

Satu perkara yang agak ketara dari gesaan Yang Amat Mulia itu awal2 di-tekankan agar bahan2 bachaan itu tidak akan berchanggah dengan ajaran Ugama Islam yang kita anuti. Memang jelas negara kita menganuti Islam sa-bagai ugama rasmi dan telah di-asaskan untok di-hayati dan menjadi chara hidup yang sempurna bagi seluroh masharakat, maka dengan demikian itu jika kita soroti lagi bahan2 bachaan yang di-impot sa-jauh ini terdapat sangat sedikit jumlah-nya yang berintikan nilai2 Islam, malah lebeh banyak dari-nya yang memaparkan nilai2 perosak yang anti Islam.

Maka apa-kah yang akan kita harapkan dalam usaha kita membangun bangsa dan negara kita salagi kita sentiasa terasoh dengan bahan2 bachaan demikian yang jauh sekali ia-nya berorientasikan nilai2 keBruneian kita sendiri. Kerana itu tidak di-sangkal saperti yang di-jelaskan oleh Yang Amat Mulia itu bahawa melalui penulisan ia-nya boleh mempengarohi masharakat dan membimbing mereka, sa-balek-nya ia-nya juga dapat merosakkan fikiran masharakat kalau salah bimbing.

Dari gesaan dan pernyataan itu tentu sekali ia-nya merupakan chabaran kapada Asterawani untok mengketengahkan peranan mereka dalam menandingi nilai karya penulis luar negeri yang di-perdagangkan di-negeri ini.

Kerana untok memperbanyakkan hasil sastera atau sa-suatu karya itu memang tidak rumit tetapi untok mempersembahkan nilai karya yang bermutu itu ada-lah menjadi suatu soal yang perlu di-perbaiki agar jangan sampai dalam masa negara dan bangsa kita menuju arus kedaulatan dan kemerdekaan-nya hingga tahun 1983 nanti perkara ini maseh juga menjadi gesaan dan sama-lah juga soal-nya nanti bahawa untok menchapai kemerdekaan itu memang senang dan mudah tetapi untok mengisi kemerdekaan ada-lah memerlukan pengorbanan !

# PADA HEMAT SAYA....

## "BERGUNTING YANG MACHAM MANA 'TU?"

AWDA DI-HARAP tidak terperanjat bila di-beritahu ada kedai gunting di-negeri ini yang mengenakan bayaran sampai berpuloh2 ringgit untok sa-kali bergunting rambut.

Kalau pun terperanjat, dapat di-duga awda chuma akan bertanya: "Bergunting yang macham mana 'tu......?"

Awda ada-lah betul bila bertanya begitu, sebab kita sama memahami: harga yang tinggi ia-lah bagi satu2 barang atau khidmat yang bermutu baik.

Yang timbul dalam fikiran awda ia-lah perkhidmatan menggunting yang macham mana sampai berharga sedemikian tinggi. Tentu-nya yang istemewa, sebab sa-takat yang awda biasa bayar di-kedai2 yang awda biasa bergunting tidak pun sampai lima atau sa-puloh ringgit malah satengah2-nya ada yang dua tiga ringgit sahaja.

### PRESTASI

Atau awda terfikir mungkin telah ada jenis perkhidmatan menggunting rambut yang terbaru di-datangkan ka-negeri ini. Sebab khabar-nya di-luar negeri bayaran sa-tinggi itu ada-lah biasa bagi sa-kali bergunting.

Tinggal lagi, yang awda faham kedai gunting di-luar negeri yang mengenakan bayaran sa-tinggi itu ia-lah kedai gunting yang punya *prestasi* tinggi, mithal-nya kerana pelanggan-nya terdiri dari mereka yang *berprestasi*,

Apa-kah *prestasi* sedemikian itu sudah di-impot kasini?

Tapi cherita2 yang awda dengar mengenai kedai gunting yang mungkin *di-impot* itu bukan-lah dari jenis model kedai gunting luar negeri yang tinggi *prestasi-nya*. Sa-kurang2-nya kerana ia terbuka kapada 'general public' saperti awda juga.

### HAD KEMAMPUAN

Bukan maana-nya kedai2 gunting yang *berprestasi* tinggi di-luar negeri itu terhad atau di-lesenkan untok orang2 yang *berprestasi* sahaja. Chuma keupayaan kewangan orang awam di-luar negeri itu untok memasoki-nya, apa lagi untok melanggani-nya, hampir tidak ada; atau pun kalau mampu tapi mereka telah terlateh tahu menilai maana *prestasi*. Lalu dengan sendiri-nya kedai2 gunting yang *berprestasi* itu pun terbatas pelanggan2-nya.

*Lain hal-nya di-negeri kita ini. Keupayaan dari segi kewangan belum ketara membentok satu2 keadaan sa-chara muktamad. Umpama-nya sa-seorang akan mendapat atau menikmati satu2 barang atau satu2 perkhidmatan dengan tidak memperhitongkan sangat kewangan-nya. Chontoh-nya ia-lah dalam hal kenderaan dan pakaian di-mana awda tidak hairan melihat ada o r a n g berkereta dan berpakaian lebeh mahal dari kereta dan pakaian orang2 yang jauh lebeh besar pendapatan-nya.*

Lalu awda juga tidak hairan kalau orang awam saperti awda mampu mendatangi kedai2 gunting yang mengenakan bayaran tinggi itu. Sebab, masing2 itu mampu atau memampu-mampukan diri-nya bagi mendapatkan satu2 perkhidmatan gunting rambut yang bermutu tinggi.

Chuma awda tentu berfikir lain dan kemudian merasakan walang hati kalau mithal-nya mendengar perkhidmatan yang berharga tinggi itu lebeh dari chuma bergunting!

### MUTU PERKHIDMATAN

Jika tadi-nya awda bertanya: "Bergunting yang macham mana 'tu?". dengan tidak ada tanda2 terkejut mendengar bayaran-nya sampai berpuloh2 ringgit. Awda sa-benar-nya menanyakan mutu perkhidmatan-nya yang boleh jadi dengan alat2 serta k e s e l e s a a n *(maaf: bukan keseronokan!)* bergunting yang jauh melebehi kedai2 gunting yang lain.

Tapi dari jawaban2 orang2 yang pernah memampu-mampukan diri-nya di-kedai2 gunting tersebut awda mungkin sukar untok memperchayai-nya.

Bukan maana-nya jawaban2 yang awda terima itu mendalilkan ada-nya sa-barang perbuatan sumbang sa-chara pasti di-situ, sebab awda tahu kedai gunting itu di-lesenkan. Dan masakan-lah lesen akan di-keluarkan bagi satu2 perbuatan sumbang!

Dalam pada itu ada juga jawaban2 yang awda dengar tidak berlindung2 menyebutkan perihal tukang2 gunting-nya terdiri perempuan2 yang ramah dan menseronokkan.

Mendengar demikian itu, awda mungkin sa-kali lagi bertanya ingin tahu 'lumeh' ertikata ramah dan seronok-nya itu. Tapi sa-kejapan itu juga awda segera terfikir: mana-lah ada orang akan mencheritakan hal2 itu sa-lurus2-nya, sebab orang pun tentu berperasaan walang kira-nya menyangkakan yang bukan2 di-lakukan-nya ketika menikmati perkhidmatan menggunting yang di-bayar-nya sampai berpuloh2 ringgit itu. Lain hal-nya barangkali kalau ada jenis orang-nya, dan itu pun awda tidak akan perchaya, sebab awda tahu dan yakin di-negeri kita ini tidak ada melesenkan perbuatan2 sumbang saperti yang mungkin awda di-beritahu itu.

### SEBAB LAIN

Maka awda kalau tidak terperanjat mengetahui harga bergunting yang mahal ia-lah kerana awda menjangkakan mahal-nya itu kerana ada sebab2 lain, mithal-nya modal membuka kedai gunting sa-demikian itu besar; tukang2 gunting-nya di-datangkan dari luar negeri, dan terdiri dari perempuan2 pula, di-tanggong ongkos perumahan-nya; mungkin juga makan minum-nya; dan tentu konterek-nya mensharatkan di-tanggong lain2 belanja saperti bayaran perubatan dan insuran keselamatan, dan sa-bagai-nya lagi.

Awda tidak bersangkaan lain lebeh dari sebab2 saumpama itu.

Kemudian awda mungkin pula menimbang dan menchongak2: patut-kah bayaran tinggi yang di-kenakan itu berbanding dengan modal membuka kedai dan lain2 belanja keselurohan-nya ?

Sa-chara mengagak2 awda pun mengira: berapa modal, berapa pendapatan dan perbelanjaan bulanan ?

Tapi, semua yang awda timbangkan itu ia-lah soal patut tidak-nya bayaran sampai berpuloh2 ringgit itu hanya sa-kadar untok lekas balek modal, atau mahu lekas untong besar.

Sampai pada had itu, tidak hairan kalau awda akan terperanjat besar. Sebab awda kena pula menimbangkan bahawa ada kedai2 gunting lain yang bermodal dan berbelanja lebeh kurang saperti modal dan belanja kedai2 gunting mahal itu tapi kedai2 tersebut tidak-lah pernah awda dengar mengenakan bayaran sampai berpuloh2 ringgit untok sa-kali bergunting.

Awda terperanjat itu ia-lah kerana kedai2 gunting yang lain itu pun memberikan khidmat menggunting dengan selesa. Jadi tentu-lah khidmat yang di-bayar sampai berpuloh2 ringgit itu bermutu melebehi mutu khidmat *di-kedai2* gunting yang awda biasa bergunting, dan mengatasi mutu perkhidmatan di-kedai2 gunting yang berprestasi tinggi di-luar negeri.

### HARAPAN

Sunggoh, awda berharap mudah2an bayaran yang sa-tinggi itu benar2 bayaran kerana mutu perkhidmatan menggunting yang jauh lebeh tinggi dari biasa. Dan begitu-lah yang di-sangka dan di-jangkakan bahawa awda saperti juga saya dan lain2 orang tidak patut menghematkan dalam fikiran betapa bayaran mahal yang di-kenakan itu melebehi dari hanya kerana bergunting rambut.

Sebab yang paling kuat untok kita tidak beranggapan begitu ia-lah: kita tahu malah perchaya bahawa bukan-lah amalan di-negeri ini untok melesenkan sa-barang perbuatan sumbang.

Dan sa-lebeh-nya, pada hemat saya-lah, orang2 kita yang melanggani bergunting rambut di-kedai2 yang mahal itu juga sedia tahu bahawa kedai2 itu di-lesenkan dengan lesen gunting rambut. Mengapa pula mengharapkan lebeh dari itu ? — *Ketua Pegawai Peneranngan.*

**"....lain hal-nya barangkali kalau ada jenis orang-nya, dan itu pun awda tidak akan perchaya sebab awda tahu dan yakin di-negeri kita ini tidak ada melesenkan perbuatan2 sumbang saperti yang awda mungkin di-beritahu itu."**

# General Adviser opens Bank's Branch

GADONG. — The General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, the Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa officially opened a new branch of the Hong Kong and Shanghai Bank on Thursday morning. (See the picture on the right).

Those attended the opening ceremony included local leading businessmen and senior officers of the bank.

The new branch is situated at Mile One, Jalan Gadong. It is the 5th branch of the Bank to operate in Brunei. Banking business is booming in Brunei, especially so in recent years.

The reasons are that Brunei is getting more prosperous every day in economy, and the foreign trade is on the increase.

Besides, the prosperity brings more monies to Brunei people who need banks to take care of their property.

This is a good sign for Brunei's economy.

Therefore, most of the the banks in Brunei have opened their branches in areas where they consider they can render banking services to inhabitants.

At present, there are 8 banks in Brunei.



# RBMR ends target exercise

JALAN BERAKAS. — A 7—day target exercise began on Feb 26 ended on Monday.

The exercise was carried out by the First Flotilla of the Royal Brunei Malay Regiment.

Also taking part in the military games were 9 members of the Singapore Armed Forces, who acted as the "enemies".

Using a missile gun boat, the First Flotilla's target was a Skyvan light aircraft carrying the Singaporeans.

The Singapore soldiers arrived on Feb 25 on board the aircraft to participate in the exercise.

Meanwhile, 4 officers from the regiment ended the 4-day familiarisation course at the Trade Relations Centre of the Brunei Shell Petroleum Company in Seria.

At the start of the course, they were joined by the newly appointed General Staff Officer One of the regiment, Lieutenant Colonel Fraser and Pehin Major Dato Mahdini.

As part of the course, they toured Shell's offshore oilfields and marine construction yard in Kuala Belait.

Lectures on the various activities of the company were also given to them during the course.

Meantime, work on the new building of the regiment's headquarters at the Berakas Camp will start in the near future.

The premises which will be situated opposite the Guard Room at the entrance to the camp will take about 1½ years to complete.

# $0.5m spent on roads

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Government has spent a large amount of money on the construction of new roads and the improvement of existing ones.

The Brunei-Muara District Office has said that the money was about half a million dollars.

The roads are in rural areas of the district.

They are at Mulaut, Kasat, Lumapas, Kampong Limau Manis Lugu, Panchod Murai Kilanas, and Tanah Jambu; and total 14.5 miles.

Some of the roads are still under construction.

This year, the government has allocated $300,000.00 for constructing additional 8 roads to serve rural inhabitants in the country.

# Postal agencies opened

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Postal Services Department has achieved a great success.

Its pride is that it opened postal agencies in several areas on Saturday.

The department announced last week that 6 agencies were established in the Brunei-Muara District.

They are at the Seri Shopping Complex in Jalan Tutong, the Selamat Emporium in Gadong, Kampongs Peramu, Ujong Kelinik and Lorong Dalam and in Jalan Tasek here.

There is an agency set up at Kampong Rambai, in the Tutong District.

These agencies sell postage stamps and accept registered articles.

But mail deliveries to these areas are done by postmen as usual, except at Kg Rambai where letters can be collected from the agent's counter.

Meanwhile, as from March 1, delivery receipts for registered articles are placed in private post boxes.

The practice is to substitute notification cards used before.

Awang Abdul Aziz Mohammad, on behalf of the Postmaster-General said in a statement that notification cards for collecting registered items before March 1 are also accepted as usual.

In the meantime, the Express Delivery Service for ordinary and registered letters and parcels was introduced last Saturday.

The service is also extended to Singapore. The fee for this service is $1.50 per article in addition to normal postage.

More details of this service are obtainable from the Postal Services Department.

# 13 teams compete in Polo tourney

JERUDONG PARK.—The ten-day International Polo Tournament is now going on at the Jerudong Park and at Berakas.

Altogether there are 13 teams, 7 of them from overseas, taking part in the matches.

The tourney is divided into 2 groups with the high goal group vying for the Sultan Cup and the low goal group, for the President Cup.

A Singapore polo team, headed by Mr Swales arrived in Brunei last Thursday to participate in the games, which started on Friday.

The visitors were brought in by a special flight.

Arriving on the same plane, were players of the Selangor Polo Team.

Meanwhile, the Tengku Mahkota of Pahang arrived in Brunei last Friday afternoon to lead the Royal Pahang Polo team in the tourney.

The Tengku and his entourage were met on arrival at the Brunei International Airport by key personalities headed by the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Soon after his arrival, the Tengku Mahkota of Pahang had an audience with His Highness the Sultan and Yang Dipertuan at the Palace.

Tengku's brother, Tengku Muda of Pahang and the Tengku Muda of Selangor also attended the ceremony.

Among the Royal Family members present at the audience were the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah and the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Meantime, the Royal Malaysian Navy came to town last week with ponies to take part in the polo matches.

The Malaysia's 2,200 ton KD Seri Langkawi berthed at the Royal Brunei Malay Regiment's Flotilla base at Muara.

The craft brought the steeds of the Royal Pahang team.

In addition, 2 Malaysian fast patrol craft, the Yu and the Jerong also arrived.



One of the polo matches in progress.

# G.C.E. results released

BANDAR SERI BEGAWAN. — The results of last year's Brunei Cambridge GCE Advanced Level examination in English Medium were released last week.

According to the Examination Board, 37 out of 207 candidates from the Sixth Form Centre sitting for the examination obtained full certificates, while 5 failed to pass any subject.

And only 1 out of 89 private and adult education class candidates who sat for the exam gained full certificates.

Meanwhile, ten top students who have passed the Primary Certificates of Education Examination held last year are currently in Singapore to further their secondary education there.

They are now studying at the Victoria Secondary School.

At present, there are more than 60 Brunei students studying in lower and upper secondary schools in the republic.

# Local writers urged to contribute

BANDAR SERI BEGAWAN. — The former Menteri Besar, the Hon'ble Pengiran Setia Negara Pengiran Hj Mohd Yussof, recently opened the 17th General Meeting of the Local Writers' Association, Asterawani at the Language and Literature Bureau here.

In his opening speech, he appealed to the local writers to make joint contributions to fill the vacuum in the period leading to Brunei's independence.

He urged them to bring about their constructive ideas and infuse the truth into their writings.

Writers are responsible to their country and thus, they ought to perform their responsibilities and duties as far as they can.

To bolster the State's development, be it political, economic, or cultural, writers should endeavour to play their parts.

However, he reminded them that in their articles, they must be sincere. And in order to enrich their knowledge, they are bound to keep on reading and researching.

Soon after the opening ceremony was over, the guests of honour were entertained to an exciting pantomine.

They included the Bureau's Directors, the President of the Brunei Youth Council and senior government officials.

The show was based on a Shaer by a well-known local writer, the late Pg Shahbandar Mohd Salleh.

The association later held its meeting in which a new committee was elected.

# Civic Courses for Penghulus

BANDAR SERI BEGAWAN.—Two Civic Courses will be held here very soon.

The courses are being organised by the Information Section of the State Secretariat.

They are meant for the Penghulus, the Kampong Ketuas and the Heads of Longhouses.

Both courses will be conducted at the Youth Centre here.

The first one will take place from March 23 to 27, while the second one, from April 6 to 11.

The Civic Courses are conducted by the Information Office regularly.

Senior officials from various government departments are usually invited to give lectures to participants.

# SIAPA KAH MULHID? (III)

## (Sambongan)

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

**Dalil 7.**

BAHAWA Allah Ta'ala telah berfirman dalam ayat 15 dari Surah Al-Baqarah :

ويمدهم في طغيانهم يعمهون

Tafsir-nya : *Allah Ta'ala akan lanjutkan mereka dalam kejahatan mereka dengan keadaan mereka buta tuli tiada dapat berbuat sa-suatu.*

Allah Ta'ala tiada memberi kesempatan kapada orang2 munafiqin zaman Rasulullah (Sallallahu 'alaihi wasallam) untok melanjutkan nifaq mereka bahkan Allah Ta'ala telah menghapuskan nifaq mereka dan menzahirkan ugama Islam di-tanah Arab sa-hingga tiada di-dapati sa-orang munafiq pun. Jika pun ada orang munafiq itu, mereka dalam keadaan lemah dan bersembunyi, lama-kelamaan mereka pun hapus.

Hanya orang2 mulhidin yang ada pada zaman ini dapat bergerak dan bertambah2 tiap2 hari mengatasi dan melawan orang2 mu'minin, menurut keadaan dan masa Allah Ta'ala janjikan mereka akan keluar sa-bagaimana yang telah di-khabarkan oleh Rasulullah (Sallallahu 'alaihi wasallam).

**Dalil 8.**

Allah Ta'ala telah berfirman dalam perkara orang2 mulhidin :

اولئك الذين اشتروا الضلالة بالهدى

(dalam ayat 16, Surat Al-Baqarah).

Tafsir-nya : *Mereka itulah yang membeli sesat dengan menjualkan hidayat.*

**MEMBELI KESESATAN**

Maksud membeli itu ialah memberi sa-suatu dengan mengambil sa-suatu yang lain. Jadi ma'ana yang terkandong dalam ayat ini: Mereka menolak hidayat dengan mengambil ganti-nya ia-itu kufur dan sesat, membeli kufur dan menjual hidayat tiada dapat di-gambarkan melainkan pada orang2 yang dapat hidayat dan bersifat dengan hidayat, kemudian mereka sa-telah itu menolak hidayat itu dan meninggalkan-nya.

Ada pun orang2 munafiqin itu bukan begitu, mereka tiada dapat hidayat sama sekali, kerana mereka tiada

**Siri ke-22**

beriman walau sedikit pun semenjak umor mereka rendah hanya mereka menzahirkan iman di-tepi mulut serta tetap dalam keadaan kufur dalam hati mereka. Tetapi orang2 mulhidin itu pada asal-nya mereka memegang Islam dan dapat petunjok hidayat, kemudian mereka jualkan hidayat mereka dengan membeli pula akan kufur dan sesat sabagai ganti-nya.

**Dalil 9.**

Begitu juga perumpamaan Allah ka-atas mereka, tiada dapat di-letakkan ka-atas orang2 munafiqin, hanya dapat dan munasabah di-letakkan ka-atas orang2 mulhidin yang meloncnat keluar dari Islam itu, kerana orang2 munafik yang asli tiada pernah sekali2 mendapat chahaya iman, dan tiada pernah iman masok ka-dalam dada-nya, bahkan ia tetap berterusan dalam kufur dan gelap gelita hati-nya.

Ada pun orang yang dapat pada mula-nya chahaya iman dan dapat manafa'atnya, kemudian Allah haramkan dia dari chahaya iman-nya itu, dan di-tarek iman itu dari hati-nya ialah orang2 mulhidin dan mariqin yang melonchat iman-nya keluar dari Islam. Orang2 itu di-peranakkan dalam Islam oleh kedua ibu bapa Islam dan terdidik dan besar dalam Islam, sahingga-lah mereka masok ka-dalam sekolah2 Eropah dan Yayasan2 musoh Islam yang membawa mereka kajurang kesesatan zaman moden, lalu Allah Ta'ala tarek iman mereka, dan padamkan chahaya iman dari hati mereka. Allah biarkan mereka dalam gelap, jahil dan ilhad tiada dapat melihat kebenaran dan tiada dapat menchapai hidayat.

Firman Allah :

صم بكم عمي فهم لا يرجعون

(Ayat 18, Surah Al-Baqarah)

Tafsir-nya : *"Mereka (orang2 mulhidin) itu tuli, bisu dan buta dari mendengar dan dari menyebut kebenaran dan melihat hidayat. Dan tiada-lah sekali2 mereka dapat berpaling dari sesat mereka, kerana hati mereka sesak (tertutop) dengan kesesatan dan kekufuran dan mereka dapati dalam sesat itu suatu peluang untok lepas dari tanggongan dan kewajipan shara' dan dari adab2 Islam, dan mereka dapati diri mereka telah terluchut dari sifat bermaruah dan berkemanusiaan. Hal ini membolehkan mereka melakukan kehendak hawa nafsu dengan seluas2-nya, dari segala dosa kejahatan dan ibahiyah, ibarat pepatah: "Membujor lalu melintang patah" ini-lah yang di-seru2-kan oleh seteru² Islam supaya dapat mereka berlepas dari Ugama, dari sifat malu, maruah dan sifat kemanusiaan sa-bagaimana yang di-anjorkan oleh Nabi2 Allah saperti yang tersebut dalam Al-Kor'an.*

**Dalil 10.**

Begitu juga perumpamaan yang kedua tiada juga melibatkan dengan orang2 munafiqin zaman Rasulullah (Sallallahu 'alaihi wasallam), hanya melibatkan orang2 yang segera keluar dari Islam yang di-namakan Rasulullah sa-bagai mariqin, kerana mereka terdidik dalam Islam dan iman. Mereka beri'tiqad serta perchayakan Kor'an hanya pada zahir sahaja. Kebanyakan mereka mempunyai iman yang tipis, dikechualikan mereka yang menzahirkan ilhad berterang2an, maka timbul-lah shak wasangka dan berdolak dalek dalam hati mereka, apabila mereka mendengar dalil2 dari Al-Kor'an atau Hadith Rasulullah yang menolak dan membatalkan keadaan mereka yang dalam sesat dan menerangkan ka-mana kesudahan mereka, dalil2 itu sa-bagai guroh dan halilintar yang menakutkan mereka. Akan tetapi oleh kerana terlampau kuat hawa nafsu yang menyerang diri mereka, maka mereka menentang dalil2 itu tadi, kerana takutkan thabit dalil2 Allah ka-atas keadaan diri mereka, dan takut ternampak kufur mereka, dan kejahatan mereka ka-atas orang2 mu'minin.

**PENGAROH EROPAH**

Sa-tengah daripada mereka ilhad dan beri'tiqad bahawa Kor'an itu bohong, dan Kor'an bukan daripada Allah, sementara yang lainnya pula telah terkena pengaroh pengetahuan Eropah, yang menjadikan mereka sentiasa dalam shak dan berdolak dalek dan apabila mereka memandang pada kesamaran2 yang di-lontarkan oleh orang2 Eropah ka-atas mereka, lalu mereka menjadi shak akan kebenaran Kor'an itu, dan apabila mereka memandang keterangan2 Al-Kor'an yang tepat dan dalil2-nya yang kuat, hampir chahaya Kor'an itu menyambar pandangan mata mereka, maka mereka berjalan dan bergerak mengaku kebenaran Al-Kor'an itu, dan bahawa Al-Kor'an itu datang daripada Allah Ta'ala. Kemudian apabila datang kesamaran ka-atas mereka dari kata2 dan perchakapan2 dan ilmu2 orang2 kafir kapada-nya, maka gelap pula pemikiran mereka dan mereka berhenti tiada tentu arah kamana hendak di-tuju, sabagaimana telah termaklom kapada kita akan hal2 orang2 mulhidin itu.

**Dalil 11.**

Bahawa Nabi (Sallallahu 'alaihi wasallam) telah menamakan orang2 mulhidin itu orang2 mariqin yakni yang melonchat keluar segera dari ugama Islam ia-itu sa-telah mereka berada dalam ugama Islam, dengan lain perkataan mereka ini di-panggil orang2 murtad. Ada pun orang2 munafiqin di-zaman Rasulullah (Sallallahu 'alaihi wasallam) tiada-lah mereka berada dalam ugama Islam sekali pun sa-hari, dari itu nyata-lah bahawa orang2 yang di-kehendakkan dalam ayat 8 hingga 20 dari Surah Al-Baqarah yang bermula dari ayat2:

إن الله على كل شيء قدير

hingga

ومن الناس

dan menurut hadith marfu' daripada sahabat Salman (radhiallahu 'anhu) yang telah di-sebut pada awal2 tulisan ini bahawa orang2 yang di-sebutkan dalam ayat2 yang di-atas belum keluar lagi.

Bahawa Nabi s.a.w. menamakan mereka orang yang keluar dari Islam (mariqin) sa-telah mereka memelok Islam. Ada pun orang munafiqin sa-hari pun mereka tiada ada dalam Islam, jadi jelas-lah ayat 8-20 Al-Baqarah itu tertentu kapada orang2 mulhidin pada zaman sekarang ini.

Nabi s.a.w. telah memberitahu dalam hadith2 yang lalu, akan sifat mereka (mariqin/mulhidin) ia-itu mereka orang2 muda yang kurang akal dan dalam hadith2 yang lain pula mereka ada mempunyai sifat2 dan tanda2 sama ada mereka muda atau tua ia-itu mereka semuanya menchukor janggut.

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Ahmad, Al-Bokhari, Muslim dari hadith Sahabat Abi Said Al-Khudri bahawa pada akhir hadith itu berbunyi : Sahabat bertanya : "Ya, Rasulullah apa tanda mereka," sabda Baginda bermaksud: "Mereka memotong janggut", (tiada berjanggut) dan tersebut dalam hadith itu

يحسنون القول ويسيئون العمل

erti-nya: "Mereka pandai berchakap tetapi perbuatan mereka burok".

Jika hendak di-buat perbandingan hadith berkenaan dengan orang2 mulhidin/mariqin (yakni lari dari Islam itu) sama dengan hadith mengenai orang2 Khawarij, semua-nya keluar dari Ugama Islam. (Selesai).

WALLAHU A'ALAM.

# USAHA DAN IKHTIAR



ADA orang berkata bahawa tiada ada satu masaalah yang tidak dapat di-atasi dengan sharat ada usaha dan ikhtiar, kata2 ini ada kebenaran-nya kerana manusia itu di-suroh oleh Allah Subhanahu Wata'ala berusaha dan berikhtiar menggunakan akal fikiran dan kebijaksanaan serta daya upaya masing2.

Berikutan dengan ada-nya perkembangan dunia dewasa ini di-mana harga barang2 bertambah naik dan sa-tiap kenaikan harga itu jarang turun semula, maka bukan sedikit daripada kita mengeloh, tetapi di-dalam mengeloh itu kita terus juga menjadi sa-bagai pengguna yang kurang berhati-hati dalam membeli barang. Dan ada sa-tengah-nya pula tidak berusaha atau kurang berusaha untok mengatasi masaalah yang terpaksa kita hadapi berthabit dengan kenaikan harga itu, mithal-nya dengan chara membeli barang2 yang perlu dan meniadakan pembelian barang2 yang kurang perlu serta berjimat-chermat di-dalam berbelanja.

Berhubong dengan bahan2 keperluan hari2 saperti sayor-sayoran dan buah-buahan yang juga turut naik harga-nya, rasa-nya, sa-bahagian daripada kita khas-nya yang mempunyai kawasan tanah di-sekeliling rumah atau lain2 kawasan patut sangat berusaha berkebun sayor-sayoran dan buah-buahan. Usaha sa-demikian itu tidak-lah berkehendak berkerja sa-penoh masa bahkan boleh di-buat sa-chara sambil-sambilan. Dan jika ini di-lakukan sudah pasti satu masaalah ia-itu pembelian sayor atau buah dapat di-atasi dan sa-bahagian dari wang kita dapat di-jimatkan dan di-gunakan untok lain2 keperluan.

Sa-benar-nya tidak-lah rugi bagi sa-siapa yang berpenat lelah di-bidang pertanian ini sa-kalipun hasil2 pertanian mereka itu di-makan oleh burong, atau binatang2 lain kerana menurut pandangan Islam itu semua ada-lah merupakan sedekah yang mendatangkan pahala kapada petani itu. Petani2 Islam akan mendapat dua keuntongan yang besar dari usaha2 bertani ia-itu pahala dan hasil pertanian-nya sa-kira-nya tanaman mereka berhasil.

Kita merasa bertuah dan bershukor kapada Allah Subhanahu Wata'ala kerana menjadikan negeri kita Brunei Darussalam ini sa-buah negara yang subor untok di-tanam dengan bermacham-macham tumboh-tumbohan yang mana hasil tanaman itu pula dapat memberi zat2 yang penting untok perkembangan dan kesihatan jasmani kita.

Kita dapat saksikan betapa petani2 bangsa asing yang mengusahakan tanah2 mereka atau pendatang2 yang paksa menyewa tanah2 orang2 kita untok berkebun sayor atau buah-buahan itu beroleh keuntongan yang lumayan dari hasil pertanian mereka. Tetapi sa-bahagian besar daripada kita orang2 Islam lebeh gemar menjadi penonton dan pembeli serta tidak chuba berusaha dalam bidang ini. Akibat-nya semua barang2 keperluan kita terpaksa di-dapatkan dengan chara membeli dan tidak chuba di-atasi dengan mengusahakan sendiri sa-bahagian daripada-nya dengan usaha sendiri. Sampai bila-kah kita bersikap begini?

Perubahan sikap kita ka-arah yang berkebajikan saperti berkebun sayor dan buah-buahan itu sa-kalipun sa-chara sambil-sambilan dalam keadaan dunia yang sentiasa bergolak ini amat-lah perlu, kerana kalau tidak, sudah pasti sa-makin banyak masaalah dan kerumitan yang terpaksa kita hadapi. Kalau ramai di-antara kita yang menchebor-kan diri dalam pertanian meskipun hanya dalam bentok berkebun sayor dan buah-buahan, bukan sahaja kita dapat mengatasi sa-bahagian daripada masaalah dan kerumitan kita, bahkan juga boleh memberi sumbangan ka-arah menambah kemakmuran negara khas-nya jika usaha sa-demikian di-buat dengan lebeh sunggoh2 dan berkesan.

Oleh yang demikian marilah kita meningkatkan semangat berusaha di-bidang pertanian itu meskipun dalam bentok berkebun sayor dan buah-buahan di-sekeliling rumah kita bagi maksud mengatasi sa-bahagian daripada masaalah kenaikan harga barang2 keperluan kita.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5hb Mach, 1980 hingga ka-hari Selasa 11hb Mach 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 6hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 7hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 9hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 8hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 10hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 11hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



MOHD. Faisal bin Abdullah ketika mendengar penerangan dari Pegawai Ugama Kanan Haji Abu Bakar bin Haji Tengah di-majlis pengIslaman-nya. (Gambar JHEU).

## Bingkisan minggu ini

# Ikhlas mensuchikan niat beribadat

BIASA-NYA segala sa-suatu itu dapat di-champori oleh sa-suatu yang lain. Bila sa-suatu yang baik berchampor dengan yang baik tentu-lah ia akan menjadi bertambah baik, tetapi jika yang baik berchampor dengan yang tidak baik tentu ia akan menjadi kotor, rosak atau kurang kualiti-nya. Jika sa-suatu itu berseh tidak terkena champoran apa2, ia akan di-anggap sa-bagai sa-suatu yang murni. Demikian juga hal-nya dengan perbuatan dan amalan kita, jika ia di-lakukan dengan niat yang suchi berseh sa-mata2 kerana Allah tidak di-selitkan dengan lain2 tujuan—itu-lah perbuatan yang murni dan di-namakan perbuatan yang ikhlas.

Lazim-nya kalimat ikhlas itu di-khususkan bagi mensuchikan niat atau tujuan di-dalam melakukan ibadat kapada Allah Ta'ala. Jadi apabila niat atau tujuan beribadat itu sudah di-champori oleh pengaroh lain, baik yang berupa ria, sombong, minta di-puji atau menchari nama atau merupakan godaan hati, maka amalan yang sa-demikian itu tentu-lah sudah keluar dari nama ikhlas. Sa-bagai chontoh dapat-lah di-misalkan saperti berikut:—

Mengerjakan puasa dengan maksud untok mendapatkan kemanafaatan jasmani yang dapat di-perolehi dengan jalan berpuasa.

Mengerjakan haji dengan tujuan untok mendapatkan kesempatan mengambil untong dengan perniagaan.

Bersembahyang supaya orang akan menganggap-nya orang yang saleh.

Menuntut ilmu pengetahuan dengan tujuan untok mendapatkan pangkat keduniaan.

Melawat orang sakit supaya jikalau ia sendiri sakit ia akan di-lawati.

Dalam berbagai chontoh di-atas, sa-kalipun ia di-lakukan dengan niat yang baik ia-itu ingin mendekatkan diri kapada Allah Ta-ala, tetapi jika di-samping-nya terdapat niat atau tujuan saperti yang tersebut di-atas maka itu juga tidak ikhlas nama-nya.

Dengan kata lain, dapat-lah di-sebutkan bahawa segala kepentingan duniawi yang biasa-nya menjadi keinginan hati dan di-senangi oleh jiwa, baik banyak atau pun sedikit, jikalau sudah menchampori atau menyelinap masok ka-dalam sa-suatu amalan, maka lenyap-lah kemurnian-nya dan akhir-nya menjadi rosak, hilang-lah keikhlasan. Sebab orang yang benar2 ikhlas dalam amalan-nya ia-lah sa-seorang yang berbuat sa-suatu tanpa ada sa-suatu tujuan lain melainkan sa-mata2 kerana Allah untok mengharapkan keredhaan-Nya.

Keikhlasan yang sa-sunggoh-nya ini tidak mungkin terchapai melainkan sa-seorang itu benar2 chinta kapada Allah Ta'ala dan mengikis dari dalam kalbu-nya untok menchintai pengaroh2 nama dan harta benda di-dunia yang fana ini. Sa-bagai kesimpulan ada baik-nya kita perhatikan maksud firman Allah Taala di-bawah ini yang di-petik dari Surah An-Nisa ayat 146:

*"Kechuali orang2 yang bertaubat, mengadakan perbaikan, berpegang tegoh kapada Allah dan tulus ikhlas kerana Allah sa-mata2 dalam ugama-nya, maka mereka itu-lah yang dapat menyertai kaum mukminin".*

## Badan mualaf sambut maulud

TEMBURONG — Badan Kebajikan Saudara2 Baru di-daerah ini baru2 ini telah mengadakan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bertempat di-Dewan Sekolah Amo.

Tetamu kehormat di-majlis tersebut ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang mana beliau juga telah beruchap di-majlis tersebut.

Turut hadhir dan juga beruchap di-majlis itu ia-lah Pegawai Daerah Temburong Awang Haji Yaakob bin Haji Ahmad, Pegawai Ugama Kanan, Haji Abu Bakar bin Haji Tengah dan Kadhi Daerah Temburong Haji Besar bin Abu Bakar serta beberapa orang pegawai2 kanan kerajaan dan penduduk sekitar.

Achara2 majlis itu termasok-lah persembahan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an, persembahan nashid dan sharahan ugama dalam bahasa Iban yang di-sampaikan oleh salah sa-orang saudara baru. Manakala sharahan khas pula telah di-sampaikan oleh Awang Aliuddin bin Haji Yaakub sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Dalam majlis itu juga telah berlangsong majlis pengislaman ka-atas dua orang Iban suami isteri dari Kampong Amo. Mereka itu ia-lah Janggu anak Gilom yang di-kenali sa-bagai Mohd. Faisal bin Abdullah, manakala isteri-nya Janti anak Angkaut kini di-kenali sa-bagai Siti Wati bte Abdullah.

Mereka melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Pegawai Ugama Kanan, Brunei dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim bin Akim.

## Memelok Ugama Islam

Sementara itu di-Daerah Brunei Muara pula sa-orang pemuda China Lai Su, 22 tahun, berasal dari Kampong Sabun, Muara, minggu lepas telah melangsongkan majlis pengIslaman-nya bertempat di-rumah Awang Haji Ahmad bin Piut di-Kampong Tasek Meradun, Brunei. Dia kini di-kenali sa-bagai Md. Firdaus Lai bin Abdullah sa-telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Md. Said bin Awang Tengah. Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

## Berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN.— Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin pada masa ini sedang berchuti sa-lama tiga bulan mulai hari Sabtu 1hb Mach, 1980 lalu.

Sa-lama chuti Yang Berhormat itu jawatan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama akan di-pangku oleh Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama. Sementara jawatan Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama pula di-jalankan tugas2-nya oleh Ketua Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 5HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE — "Tarzan and the Lion"
Tarzan meyakinkan orang2 monyet (3-4 kaki tinggi) bahawa ketinggian badan ada-lah alasan yang lemah untok membiarkan Bolmangani (7 kaki tinggi) menghambakan mereka.
5.30 ANIMAL WORLD — "Sanctuary Under Siege"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO — "The Hand of Fear" — Bahagian ketiga.
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 BEWITCHED — "The Battle of Burning Oak"
Apabila Darrin memasoki sa-buah kelab yang eksklusif, Endora mengubahnya menjadi sa-orang yang angkoh.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D.
7.49 AZAN ISHA
7.53 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE PROFESSIONALS: "Purging of C15"
Cowley bekerja di-sebuah pejabat di-Ibu Pejabat C15 tatkala ia menerima satu panggilan talipon yang memberi amaran bahawa sa-buah bom akan meletup di-sana dalam masa tiga puloh saat. Cowley sempat menyelamatkan diri tetapi pejabat ini musnah oleh letupan itu.
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV — "Girl In An Empty Grave"
11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 6HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 A PLACE TO LIVE
5.15 ADVENTURES OF TIMOTHY PILGRIM
5.30 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL — "The Massacre" — Bahagian pertama.
7.48 AZAN ISHA
7.52 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 SURVIVAL
10.20 GARRISON'S GORILLAS
11.10 HITACHI SOUTHERN CROSS CUP 1979 YACHT RACE
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 7HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 WORZEL GUMMIDGE —
Mrs. Bloomsbury-Barton yang sombong meminta penchipta Worzel 'the Crowman' untok membuatkan-nya patong yang kachak bagi taman bunga-nya.
5.00 SAYANG ADEK-KU SAYANG
5.30 THE MUPPETS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPACE SENTINELS
6.26 GREEN HORNET
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 GREEN HORNET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TELEMATCH
7.48 AZAN ISHA
7.52 TELEMATCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SERBA SERBI
9.00 DICK EMERY SHOW —
Satu pertandingan golf di-antara satu pasokan sarkis dan aneka pemuda pada satu pehak dan satu kumpolan Shakespeare dan opera di-pehak yang lain. Peranan Dick Emery ada-lah sa-bagai pemakan-api dan juga sa-bagai seri panggong.
9.30 HAWAII FIVE O — "A Killer Grows Wings"
Tiga orang penjenayah, yang mengancham untok memusnahkan keselurohan perusahaan tebu Hawaii bersedia untok menjalankan plot asal mereka bagi merampas ladang tebu, merupakan sasaran2 kumpolan Five-O.
10.20 BIG LEAGUE SOCCER
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 8HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.26 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DYNO MUTT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 WARISAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS —
Kesah keluarga Texas yang kaya, berkuasa dan dinamik. "WHATEVER HAENED TO BABY JOHN — Bahagian pertama" — Kegembiraan berchampor dengan kekhuatiran terhadap Sue Ellen dan chuchu lelaki Ewing yang baru.
7.48 AZAN ISHA
7.52 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
10.30 CLIFFHANGERS —
Siri ini di-bintangi oleh Susan Anton, Geoffery Scott dan Michael Nouri dalam tiga buah siri yang berasingan di-mana hero atau heroin-nya hampir2 menhadapi kemusnahan sa-tiap minggu.
11.20 SIARAN TAMAT.



GAMBAR menunjokkan pendukong2 watak diri GARRISON'S GORILLAS sa-buah siri baru yang akan mula di-tayangkan pada hari Khamis. Episod pertama malam esok berjudol "War Diamonds".

## AHAD — 9HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ROAD TO WEMBLEY
5.30 READING WITH LENNY
5.45 AL-KESAH
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S GALAXY GOOF-UPS — "Detective Projective"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 DON'T ASK ME

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Brain Child"
7.48 AZAN ISHA
7.52 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 WILDLIFE SAFARI — "Night Birds of Bangkok"
9.10 MUTIKA
9.50 IKE —
Kesah zaman peperangan General Dwight D. Eisenhower — anak kampong Kansas yang mengetuai angkatan peperangan yang paling gagah dalam sejarah dan menawan sa-buah benua menjadi hero Amerika yang amat di-kasehi dalam abad yang ke-20.
11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 10HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 TALES FROM 1,001 DAYS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Home of the Hawk"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PETROCELLI
7.48 AZAN ISHA
7.52 PETROCELLI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 PUSPARAMA
9.40 ROAD TO MOSCOW
10.30 LOU GRANT — "Babies"
11.10 SIARAN TAMAT

## SELASA — 11HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GENE MACHINE
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Fastest Gun in the Galaxy"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLACK'S SEVEN
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 BLACK'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 A MAN CALLED SLOANE— "The Venus Microbe"
7.48 AZAN ISHA
7.52 A MAN CALLED SLOANE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR: "Zulu"
11.40 SIARAN TAMAT.



intisari
# RTB
minggu ini

## Dokumentari "Bersama kami"

DOKUMENTARI radio "Bersama Kami" mempaparkan berbagai hal yang menarek untok di-ketahui umom. Musik tradisional yang maseh berkumandang sekarang ini, tidak ketinggal-an untok di-ketengahkan ka-pangkuan masharakat. "Sedaman" begitu-lah salah satu alat musik tradisional yang akan di-paparkan dalam ranchangan tersebut minggu ini.

Ranchangan ini di-siarkan pada tiap2 hari Sabtu jam 4.00 petang dan siaran ulangan-nya pada hari Isnin jam 7.30 malam.



## Siri Dallas kembali menemui Awda

SIRI Dallas akan menemui Awda mulai minggu ini. Siri tersebut akan di-tayangkan pada tiap2 hari Sabtu jam 7.15 malam.

Siri ini ada-lah mengesahkan sa-buah keluarga Texas yang kaya raya, berkuasa dan dinamik. Episod minggu ini berjudol "Whatever Happened to Baby John" Bahagian Pertama.

Gambar kiri kelihatan Linda Gray yang berlakun sa-bagai Sue Ellen Ewing, isteri J.R. dan Barbara Bel Geddes yang berlakun sa-bagai ibu Bobby Ewing, Eleanor Southward Ewing.



**THE house shown in this picture belongs to Awang Abdul Rahim bin Ahmad. Awang Rahim's wife, Dayang Endon bte Yaakub (second from left) will be talking to the producer, Nafisah Haji Ali, about their home, while Mr. James Thomason (left) will give an overall description of the house, on this week's edition of Making A Home programme. This programme will go on air on Saturday 8th March 1980 through the English Service of Radio Brunei, and its repeat broadcast will be on the following Tuesday, at 9.30 pm.**

# RANCHANGAN TV

## ISNIN — 10HB MACH

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Udara 2'
Ranchangan ini ada-lah bahagian kadua bagi ranchangan mengenai udara. Dalam ranchangan ini Che'gu Amdan akan menghuraikan mengenai

a) Bumi di-seliputi oleh udarakasa
b) Udara mempunyai berat
c) Tekanan udara
d) Paru-paru dan pernafasan
e) Udara boleh di-mampatkan.

Untok mengetahui lebeh lanjut lagi ikuti-lah ranchangan ini.





GAMBARAJAH 1

Bentok tin sa-belum perchubaan.



GAMBARAJAH 2

Tin menjadi kemek kerana tekanan yang sangat kuat.

10.30 KAP KA...
Ranchang... BERMAI... SENDIRI... LAMAN ... MIN SA... Dalam ... DIRI, ... kara2 ya... nunjokka... SI-MANIS... supaya ... belum ma... Di-HALA... Sa'diah a... tajok 'Pa...

**PETANG**

4.30 SIARAN ...
UDANG ...

## SELASA — ...

**PAGI**

9.20 SIARAN ...
HIDUPAN...
'Udara 2'

10.30 KAP KA...
Aktiviti2 ... lah PA' L... GANJIL, ... NAM, SIR... MIN SAK... Di-halama... Che'gu S... rapa kepi... ma bentok... menunjok ... Kali ini C... takan ten... ngan kuc...

**PETANG**

4.30 SIARAN ...
UDANG

## RABU — 1...

**PAGI**

9.20 SIARAN ...
HIDUPAN...
'Udara 2'

10.30 KAP KA...
Che'gu ... membuat ... LUKISAN ... KUDA, ... dan CHE... Halaman ... Che'gu Sa... an2 yang ... juga lukis... di-dalam ... Di-HALA... Che'gu Sa...





GAMBAR kiri menunjokkan salah satu adegan dalam siri baru IKE yang akan mula di-tayangkan minggu ini. "IKE" mengesahkan zaman peperangan General Dwight D. Eisenhower — anak kampong Kansas yang mengetuai angkatan peperangan yang paling gagah dalam sejarah dan menjadi hero Amerika yang amat di-kasehi dalam abad ke-20. Robert Duvall (gambar atas) memainkan peranan sa-bagai General D. Eisenhower.

Siri ini akan mula di-tayangkan hari Ahad ini jam 9.50 malam.

## DARI 10HB — 15HB MACH

G 36
akan di-isi dengan
IK, PEKERJAAN
IS ,AMINAH, HA-
RITA dan CHER-

PEKERJAAN SEN-
n melukiskan per-
sukai dan akan me-
kawan2-nya.
n pada minggu ini
nchuchi tangan sa-

RCHERITA, Che'gu
achakan buku ber-
menjaga kolam'.

N KAP KAP

MACH

AN SAINS DAN
UNEI

G 37
hangan kali ini ia-
NG MANA SATU
I-MANIS, BERSE-
LAAN dan CHER-

MANA GANJIL,
n melihatkan bebe-
yang sa-akan2 sa-
kanak2 di-kehendaki
yang ganjil itu.
diah akan mencheri-
sa-ekor gajah de-

N KAP KAP

MACH

AN SAINS DAN
UNEI

G 38
dan kanak2 akan
BERMAIN BAKUL,
RUMAH, NAIK
N BERCHERITA
KTI.
N DARI RUMAH,
n melihatkan lukis-
n oleh kanak2 dan
di-buat oleh kanak2
Kap Udang.
RCHERITA pula,
membachakan sa-

buah buku yang bertajok "Pakaian Baju Raja".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 38

### KHAMIS — 13HB MACH

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Udara 2'

10.30 KAP KAP UDANG 39
Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat, MAIN BOLA TUMBOK, MAIN KIM, AMINAH, BERMAIN BELON, KAJIAN SEMULA JADI dan CHERMIN SAKTI.
Di-halaman BERMAIN KIM, Che'gu Sa'diah akan mengator enam biji buah2an saperti buah apple, pisang, jambu batu, chiku, belimbing dan limau di-atas meja. Kemudian dia akan menyembunyikan-nya salah satu daripada buah2 itu. Kanak2 chuba meneka buah apa yang telah di-sembunyikan-nya.
KAJIAN SEMULA JADI kali ini, Che'gu Sa'diah mengajar kanak2 berkenaan dengan buah2an yang berbiji banyak dan sedikit.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 39.

### SABTU — 15HB MACH

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 40
Ranchangan kali ini akan di-isikan dengan MARI BERLAKUN, TEKA BENDA, BERMAIN BOLA, BINATANG, dan CHERMIN SAKTI.
Di-ruangan MARI BERLAKUN, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan berlakun menjadi kuching, burong dan ikan dan di-ranchangan TEKA BENDA pula, Che'gu Sa'diah akan menggunakan buah2an yang telah di-gunakan-nya di-sudut MAIN KIM lepas. Kanak2 akan meneka buah yang mereka pegang. Mata mereka akan di-tutop dengan kain.
Di-sudut BINATANG peliharaan kali ini, Che'gu Sa'diah akan membawa sa-ekor kuching. Che'gu Sa'diah akan mengajar kanak2 supaya jangan menyeksa binatang yang tidak mengganggu kita.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 40.



## Ranchangan Berbalas Pantun

RANCHANGAN berbalas pantun kini sudah masok kapada keluaran yang kelima. Dalam usia yang semuda itu, memang-lah banyak terdapat serba kekurangan, dan dengan ada-nya kerjasama dari semua pehak khas-nya peserta2, akan dapat-lah memberikan nafas kapada ranchangan ini.

Kapada awda yang ingin mewakili jabatan2 awda, badan2 sekolah, atau pun persatuan2 belia bagi menyertai ranchangan ini, sila-lah menghubongi penerbit ranchangan atau awda kirimkan nama tiga orang peserta yang akan mewakili melalui alamat yang tertentu dan menyertakan sembilan buah pantun soalan untok di-jual kapada pehak lawan.

Gambar2 ini menunjokkan peserta2 yang mengambil bahagian dalam ranchangan kelima di-mana Kerani2 dari Markas Askar Melayu Diraja Brunei bertemu dengan peserta dari Bahagian Ranchangan dan Persembahan2 Talivishen Brunei, yang mana siaran-nya akan dapat di-dengar pada hari Ahad, pukol 3.15 petang.



# PENUNTUT2 DAN BELIA2 ISLAM DI-SERU JAUHKAN DIRI DARI PENGAROH2 ANTI ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Belia2 dan penuntut2 yang berugama Islam di-negeri ini telah di-seru supaya berusaha pada memelihara diri mereka dari sa-barang pengaroh2 dan anasir2 anti Islam yang boleh merosakkan iman serta keperchayaan mereka terhadap kebenaran ugama Islam.

Mereka juga di-harap mempunyai kubu pertahanan yang kukoh dengan menegohkan iman kapada Allah, menambahkan ilmu pengetahuan dan mendalamkan kesedaran terhadap ajaran2 Islam sa-chara berkesan di-hati sanubari mereka terutama dalam zaman kemajuan sains dan teknoloji dewasa ini.

Seruan tersebut telah di-lafadzkan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin ketika beruchap merasmikan Peraduan Berzanji perengkat sa-negeri yang telah di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini pada malam Jumaat yang baru lalu.

Kubu pertahanan itu, tambah Yang Berhormat boleh di-usahakan dengan berkesan oleh belia2 dan penuntut2 yang di-bangku sekolah dengan ada-nya perpaduan tenaga dan kerjasama di-antara belia2 dan penuntut2 itu sendiri.

Dengan ada-nya kubu pertahanan yang kukoh saumpama itu, jelas Yang Berhormat itu lagi baharu-lah penuntut2 dan belia2 Islam akan terselamat dan tidak akan menjadi mangsa kapada sa-barang gerakan yang memusohi ugama Islam.

Terdahulu dalam uchapan-nya Yang Berhormat Pehin Pengetua telah menyuarakan rasa bangga-nya di-atas semangat pemimpin2 dari kalangan penuntut2 Maktab SOAS yang bergerak dengan lebeh aktif pada melahirkan dan meninggikan shiar Islam di-kalangan penuntut2 itu sendiri.

Yang Berhormat menguchapkan tahniah yang setinggi-nya di-atas ada-nya hasrat yang kuat di-ikuti oleh perbuatan dan kerjasama serta perpaduan di-kalangan penuntut2 bagi menjayakan majlis Maulud Nabi Muhammad s.a.w. pada malam itu.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa orang2 Islam boleh menchapai kemajuan saperti bangsa2 asing dalam meninggikan bidang ilmu pengetahuan dengan sharat orang2 Islam hendak-lah sentiasa terus menerus mempertahankan identiti mereka sa-bagai orang Islam yang taat kapada ajaran2 ugama Islam di-samping berusaha dengan lebeh gigih dan tekun tanpa mengira penat dan lelah demi untok menchapai kemajuan.

"Ajaran2 Islam tidak bertentangan dengan kemajuan yang mendatangkan faedah dan manafaat yang sabenar-nya kapada manusia baik di-dunia mahu pun di-akhirat", kata Yang Berhormat dengan penoh harapan.

Peraduan Berzanji perengkat sa-negeri antara sekolah2 menengah dan maktab2 kali yang ke-enam itu telah di-anjorkan oleh Badan Ugama Pelajar Islam Maktab SOAS sempena Sambutan Hari Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.

Sa-ramai 19 orang peserta termasok sembilan lelaki dan 10 orang perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Johan dalam bahagian lelaki telah di-sandang oleh Awang Md Daud bin Abdul Kadir, dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan, kedua, Awang Md Fasal bin Nordin dari Maktab Anthony Abell, Seria dan tempat ketiga telah di-menangi oleh Ak Md Jaffar bin Pengiran Haji Abdul Rahman dari Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong.

Sementara dalam bahagian perempuan pula, johan telah di-sandang oleh penuntut dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara ia-itu Dayang Zainab bte Haji Salleh, kedua, Dayang Hajjah Sa'adiah bte Haji Hussain dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong dan tempat ketiga, Dayang Fatimah binte Ahmad dari Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri.

Manakala johan terbaik dalam keselurohan pertandingan telah di-sandang oleh Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah Pelajaran Awang Abdul Razak bin Haji Mohammad.



**PENGIRAN Md Yusof bin Pengiran Haji Abu Bakar (gambar atas), salah sa-orang penyunting Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei berlepas ka-Singapura pada hari Sabtu lalu untok mengikuti kursus asas dalam Bahagian Pemberita dan Penyunting di-Times Press, Foundation School of Journalism, Singapura.**

**Pengiran Md Yusof akan mengikuti kursus tersebut sa-lama 12 minggu.**

## Kursus Wood Badge

BANDAR SERI BEGAWAN—Persekutuan Pengakap Negeri Brunei akan menganjorkan Kursus Asas bagi Wood Badge Bahagian Pengakap Venture yang akan di-adakan sa-lama empat hari mulai 14hb April hingga 17hb April depan di-Perkhemahan Pengakap Gadong.

Kursus tersebut terbuka kapada pemimpin2 Pengakap Venture dan Pengakap Venture di-seluroh negeri yang telah menamatkan Kursus Penerangan Am.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati daripada Pesurohjaya2 Pengakap Daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Pesurohjaya Latehan Pengakap tidak lewat dari 13hb Mach ini.

# Ketetapan harga kereta Datsun

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga baru2 ini telah bersetuju menurunkan harga2 kereta jenis DATSUN dari Sharikat Motor TANG CHING YING dengan susunan harga saperti berikut di-bawah ini : —

| JENIS KERETA (*Type of Cars*) | HARGA JUALAN (*Showroom Selling Price*) | | HARGA JUALAN PENOH (*Selling Price On The Road*) | |
|---|---|---|---|---|
| | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) |
| DATSUN 120A HATCHBACK 4 Doors. Model : N10LUD 3, Radio, side-moulding and disc brake | — | $ 9,300.00 | — | $ 9,713.00 |
| DATSUN 140J SEDAN DELUXE Model : A10UD. Radio, Cassette, side moulding, and disc brake | $10,650.00 | $10,350.00 | $11,105.00 | $10,795.00 |
| DATSUN 140J HATCHBACK 4 Doors, Model : FA10UCD (A/Cond), Radio, cassette and disc brake | — | $11,900.00 | — | $12,380.00 |
| DATSUN 160J SEDAN, Model : PA10UCD (A/Cond), Radio, cassette and safety belt | $12,250.00 | $11,900.00 | $12,744.00 | $12,384.00 |
| DATSUN 160J HATCHBACK 4 Doors Model : FPA10UCDWI (A/Cond), Radio, cassette and disc brake | — | $12,300.00 | — | $12,784.00 |
| DATSUN 160J WAGON Model : WPA10UD, Console box and disc brake | $11,700.00 | $11,250.00 | $12,145.00 | $11,676.00 |
| DATSUN 160J SEDAN SSS Model : PA10GKUC (A/Cond), Radio, cassette and safety belt | $13,150.00 | $13,500.00 | $13,702.00 | $14,042.00 |
| DATSUN 180K SEDAN Model : PC210DUC (A/Cond), Radio, cassette and safety belt | $15,350.00 | $14,300.00 | $15,918.00 | $14,841.00 |
| DATSUN 240K GT SEDAN (AUTO) Model: MGC21VAUCLI Air-condition, auto-trans, radio, cassette, console box, power steering and almi wheel | $19,700.00 | $18,800.00 | $20,373.00 | $19,463.00 |
| DATSUN 280ZX 2 + 2 Model : HGSS130UBC Air-condition, radio, cassette, safety belt, radial tyres and almi wheel | $25,600.00 | $24,500.00 | $26,582.00 | $25,472.00 |
| DATSUN 280ZX 2 + 2 (AUTO) Model : HGS130AUBC Air-condition, auto-trans, radio, cassette, safety belt, almi wheel etc. | $26,200.00 | $25,200.00 | $27,183.00 | $26,172.00 |
| NISSAN HOMER DIESEL Model : QGF20MU | $18,207.00 | $16,200.00 | $18,881.00 | $16,815.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjokkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilek pameran (showroom) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 28hb Februari 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   - a) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   - b) Hong Soon, No. 6, Jalan McArthur.
   - c) Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
   - d) Haji C. A. Mohammed, No. 59, Kampong Sultan Lama.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : — Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   - a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   - b) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT :**

1. LADA KERING — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   - a) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.
   - b) Koh Kit Hin, No. 28, Jalan Pretty.
   - c) Chin Fatt, No. 60-A, Jalan Pretty,
2. SAYOR KINCHAM — $2.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:— Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
3. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   - a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
   - b) Chin Fatt, No. 60-B, Jalan Pretty.
   - c) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA :**

1. LADA KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - a) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   - b) Yuan Ho Hin, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   - c) Soon Kheng, No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:— Chop Yick Ho, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
3. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - a) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali
   - b) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   - c) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 8hb hingga 11hb Mach 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 8.3.1980 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 8.3.1980 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 8.3.1980 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa | 9.3.1980 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 9.3.1980 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 9.3.1980 | Ahad | 11.30–12.30 T/Hari |
| Sekolah Melayu Haji Mohamad Salleh, Sungai Hanching | 10.3.1980 | Isnin | 3.00– 4.00 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 11.3.1980 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 11.3.1980 | Selasa | 10.30–11.30 „ |



DARI kiri kelihatan Awang Chua Kong Seng, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad dan Awang Haji Junaidi OKSN Haji Mohd Safar (selaku pengerusi) di-majlis dailog yang telah di-adakan di-Dewan Ria, Pekan Bangar minggu lalu.

BELIA DAN SOKAN

# JANGAN HANYA BERGANTONG KAPADA KEMUDAHAN2 YANG DI-SEDIAKAN OLEH KERAJAAN

PEKAN BANGAR. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain mengingatkan kapada belia2 dan badan2 kebajikan serta orang ramai di-negeri ini supaya jangan hanya bergantong atas kemudahan2 yang di-berikan oleh kerajaan kapada kita dalam bidang2 kerja2 sosial dan infrastruktur sa-mata2.

Akan tetapi, kata-nya kita mesti-lah sentiasa berusaha dengan gigih dan harus-lah menanamkan kesedaran, kemahuan dan inisiatif kita sendiri dalam menyelanggarakan dan menjalankan kerja2 sosial saumpama itu.

"Dan ia-nya harus ditanai, di-dokong, di-asoh dan di-pimpin oleh kita sabagai satu masharakat yang sedar dengan itu baharu-lah peranan kita sa-bagai belia, orang ramai dalam menuju ka-bidang kerja2 kebajikan dalam membangun masharakat yang kuat itu akan terchapai," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Hussian membuat ingatan demikian ketika berchakap selaku panel yang pertama di-majlis dailog yang telah di-adakan di-Dewan Ria Pekan Bangar di-sini pada malam Jumaat yang baru lalu.

Yang Berhormat Pehin menambah kata, bahawa pembangunan masharakat memang luas erti-nya yang mana ia-nya bukan hanya semata2 mengerjakan satu kebajikan sahaja akan tetapi segala usaha2 yang berkebajikan itu ada-lah dikatakan pembangunan masharakat.

"Kesedaran pada diri sendiri pada membangun masharakat itu ada-lah konsep yang mesti ada pada diri kita sa-bagai orang ramai dan belia2. Dan hanya melalui persatuan2 samada persatuan belia2 atau pun persatuan yang berchorak kampong baharu-lah kita dapat mengujudkan satu masharakat yang sedar kapada bangsa dan tanah ayernya", jelas Yang Berhormat.

Kerana itu, tambah Yang Berhormat, peranan kita sabagai belia dalam kerja2 itu mahupun kommuniti, co-ordinate atau pun penyertaan tenaga, gerak kerja tenaga antara ketua2 dan guru2 pemimpin2 belia2 merupakan satu penyelarasan yang berkesan sekali dalam menuju ka-arah matalamat yang dichita2kan itu.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa tujuan kerja2 kebajikan itu di-jalankan ia-lah bagi menguatkan dan menyatupadukan masharakat itu supaya menjadi pandu dan kukoh terutama di-kalangan belia2 dan orang ramai dalam membangun masharakat yang sedar pada zaman-nya.

Berchakap selaku panel yang kedua, Pegawai Daerah Temburong menekankan bahawa hampir 90 peratus bahan2 pembangunan di-negeri ini di-datangkan dari Daerah Temburong dan beliau juga menegaskan Daerah Temburong mempunyai potensi yang baik untok di-jadikan sa-bagai daerah pertanian memandangkan tanah-nya yang begitu subor.

Awang Chua Kong Seng selaku panel yang ketiga berharap supaya orang ramai akan memberikan kerjasama dengan pehak Jabatan Perubatan dan Kesihatan dalam menjaga alam sekitar yang berseh di-samping untok menghapuskan penyakit yang berjangkit.

Beliau juga telah menyeru penjaja2 makanan dan penghuni2 gerai makan supaya akan sentiasa membersehkan tempat masing2 tiap2 hari dan jangan hanya mengharapkan kapada Jabatan Perubatan dan Kesihatan untok membersehkannya.

Majlis dialog pada malam itu di-adakan sempena pelancharan projek2 kerja2 sosial di-kedua buah kampong di-pendalaman ia-itu Kampong Lepong Baru dan Kampong Semabat dan ianya telah di-pengerusikan oleh Awang Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar.

Dailog yang berjalan hampir2 dua jam itu telah mendapat sambutan yang hangat dari belia2 dan guru2 serta persatuan2 belia di-daerah berkenaan.

# Perlawanan badminton belia junior anjoran JKBS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan akan mengadakan Perlawanan Badminton Bahagian belia junior 1980 yang akan di-mulakan pada hari khamis 13hb. Mach ini bertempat di-dewan Pusat Belia di-sini.

Perlawanan tersebut terbuka kapada belia2 dalam persatuan belia dan kebajikan, maktab2, sekolah2 dan perseorangan yang berumor di-antara 14 tahun hingga 20 tahun sahaja.

Perlawanan itu di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu bahagian perseorangan dan bergu champoran. Dan kejohanan itu di-pechah kapada dua bahagian ia-itu; Belia yang berumor dari 14 hingga 18 tahun dan belia2 yang berumor dari 18 hingga 20 tahun.

Undang2 perlawanan ini akan di-jalankan mengikut peratoran2 yang di-selanggarakan oleh Pertubohan Badminton Sedunia (WBF).

Borang2 permohonan untok ikut serta dalam kejohanan itu hendak-lah di-buat melalui borang masok khas yang di- sediakan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei. Dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan tidak lewat dari 6hb Mach 1980.

# Pertandingan jimnastik bagi sekolah2 menengah dan maktab sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani akan mengadakan pertandingan Jimnastik bagi penuntut2 sekolah2 menengah dan maktab2 kerajaan serta sekolah2 missi sa-negeri Brunei. Pertandingan yang julong2 kali-nya di-adakan ini ada-lah sa-bagai tambahan aktibiti2 sukan dan olahraga sekolah2 di-Brunei.

Pertandingan tersebut akan di-adakan sa-lama dua hari ia-itu pada 3hb dan 5hb Julai, 1980 bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Bolkiah, Gadong mulai jam 1.30 petang.

Kejohanan ini hanya terbuka kapada penuntut2 lelaki sahaja dan akan di-bahagikan kapada dua bahagian berpasokan dan perseorangan.

Dalam bahagian berpasokan tiap2 sekolah menengah dan maktab hanya di-benarkan menghantar satu pasokan sahaja. Ramai peserta terbaik dalam sa-suatu gerak kerja achara pertandingan akan di-kira dan jumlah markah dari semua gerak kerja achara pertandingan itu akan menolong markah kejohanan itu. Dan jika keputusan kejohanan berpasokan itu seri, maka penentuan markah ada-lah peserta yang terbaik dalam pasokan itu.

Sementara dalam bahagian kejohanan perseorangan ia-nya akan di-adakan serentak dengan pertandingan pasokan sabagai 'pertandingan permulaan perseorangan'. Dari pertandingan permulaan perseorangan saramai 20 orang peserta dengan jumlah markah yang terbaik akan di-pileh untok bertanding di-dalam pertandingan perseorangan perengkat akhir.

Borang2 penyertaan bagi memasoki pertandingan itu boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani, Brunei di-tiap2 daerah.

Borang penyertaan yang telah di-isikan hendak-lah di-hantar kapada Setiausaha Pertandingan Jimnastik, sekolah2 menengah dan maktab Brunei, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, Brunei tidak lewat dari hari Sabtu 7hb Jun 1980, jam 4.00 petang. Pendaftaran yang lewat tidak akan di-terima bertanding.

Sementara itu Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani telah menyediakan Pusat Latehan Jimnastik bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong. Dewan itu boleh di-gunakan pada tiap2 hari Rabu mulai jam 2.00 hingga 6.00 petang.

Sekolah2 yang ingin mengadakan latehan2 ada-lah di-persilakan hadhir pada hari2 dan masa yang di-tentukan dengan sharat kenderaan menghadhiri latehan itu atas urusan sekolah/maktab itu sendiri dan tiap2 sa-buah sekolah hanya di-benarkan membawa satu pasokan peserta sa-ramai lapan orang dan mereka mesti-lah di-temani dan di-awasi oleh jurulateh sekolah masing2 semasa menjalani latehan.



# Perlawanan bola jaring

TUTONG. — Perlawanan perengkat akhir bola jaring bagi Sekolah Rendah dan Menengah di-daerah ini telah di-langsongkan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-Pekan Tutong di-sini pada hari Sabtu 23hb. Februari yang baru lalu.

Perlawanan tersebut di-bahagikan kapada tiga bahagian dan telah di-sertai oleh sembilan buah pasokan sekolah rendah dan menengah di-daerah tersebut.

Dalam bahagian menengah bawah johan telah di-sandang oleh Sekolah Persediaan Inggeris Tutong sa-telah mengalahkan Sekolah Sufri Bolkiah.

Sementara dalam bahagian B dan menengah atas. Johan kedua2 pertandingan dalam bahagian ini telah di-sandang oleh Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah sa-telah menewaskan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Pasokan2 yang memenangi perlawanan di-hari tersebut di-jangka akan menemui pemenang2 dari sekolah2 menengah dan rendah Daerah Brunei dan Muara yang akan di-adakan kemudian.

# TENGKU MAHKOTA PAHANG LAWAT MUZIUM

Dari muka 1

kan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta kerabat2 Diraja yang lain.

Turut mengalu2kan keberangkatan DYTM berserta rombongan itu termasok-lah Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, Yang Amat Berhormat, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib; YAM Pengiran2 Cheteria; Ahli2 Yang Berhormat serta Pegawai2 kanan kerajaan.

Pada hari Ahad 2hb Mach lepas pula Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang telah mengadakan lawatan sengkat ka-Muzium di-Jalan Kota Batu dan Pusat Sejarah dan Kebudayaan Brunei di-Bangunan Peringatan Churchill.

Keberangkatan tiba DYTM di-Muzium telah di-sambut dan di-alu2kan oleh Pengarah Muzium, Pg Dato Paduka Sharifuddin bin Pengiran Metali serta pegawai2 kanan Jabatan tersebut.

Kunjongan DYTM Tengku Mahkota Pahang dibangunan itu telah di-iringi oleh YTM Tengku Aziz serta rombongan yang mengandongi 17 orang. Antara tempat2 yang di-lawati oleh DYTM termasok-lah tempat alat2 menangkap ikan, pakaian orang Brunei zaman dahulu dan tempat kediaman puak iban dan Murut serta lain2 tempat yang menarek.



PASOKAN Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei (kiri) dan pasokan Hong Kong bersedia untok memulakan perlawanan siri pertama, pada hari Jumaat lepas di-mana pasokan DYMM menewaskan pasokan Hong Kong dengan 11 gol tidak berbalas.



YANG Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa memotong pita sa-bagai menandakan pembukaan rasmi Chawangan Hongkong dan Shanghai Bank di-Gadong.

# PUSB rasmi Chawangan Bank

GADONG. — Penasehat Umom Kebawah DYMM Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Seti Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim telah merasmikan Chawangan Bank Hongkong dan Shanghai yang baru bertempat di-Batu Satu Jalan Gadong disini pada hari Khamis yang baru lalu.

Ketibaan Yang Teramat Berhormat Pehin Isa berserta dengan isteri-nya, Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah binte Abdullah telah di-sambut oleh Pengurus bank tersebut, Awang JFT. Tait dan Pegawai Bank di-chawangan tersebut serta pekerja2 dibank yang baru itu.

Upachara perasmian bank tersebut di-mulakan dengan uchapan alu2an dari Pengurus Bank Hongkong dan Shanghai, Awang JFT. Tait. Di-mana dalam uchapan-nya beliau menguchapkan ribuan terima kaseh kapada sektor2 swasta, sharikat2 serta orang ramai yang telah memberikan kerjasama dalam menubohkan chawangan di-Gadong itu.

Sa-lepas upachara perasmian itu yang Teramat Berhormat kemudian-nya telah di-bawa ka-sekitar chawangan bank yang baru itu.

Pembukaan chawangan bank yang baru itu ada-lah merupakan yang kelima bagi Bank Hongkong dan Shanghai dan ia-nya adalah di-buka kapada orang ramai tiap2 waktu bekerja.

# Peluang untok mengikuti kursus Perguruan di-MPSHB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemohon2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti kursus perguruan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah sa-lama tiga tahun mulai bulan Julai tahun ini.

Pemohon2 boleh memileh salah satu dari empat kursus yang di-jalankan ia-itu Kursus Guru2 Sekolah Menengah Aliran Melayu; Kursus Guru2 Sekolah Menengah Aliran Inggeris; Kursus Guru2 Sekolah Persediaan Inggeris dan Kursus Guru2 Sekolah Rendah Atas Melayu/Kelas Taman Asohan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah DYMM dan lulus sekurang2-nya empat matapelajaran Perengkat Biasa dalam pepereksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge/Singapura Cambridge atau yang sa-banding.

Pemohon2 mesti-lah maseh bujang dan tidak akan di-benarkan berkahwin dalam tempoh mengikuti latehan.

Mereka yang terpileh mesti-lah sanggup bertugas di-sekolah2 yang di-atorkan oleh Jabatan Pelajaran serta sanggup berkhidmat dengan Kerajaan DYMM sekurang2-nya lima tahun sa-lepas latehan di-maktab tersebut.

Pemohon2 bagi kursus Aliran Inggeris akan di-kehendaki mengambil ujian Bahasa Inggeris sa-chara bertulis sa-belum di-temuduga.

Pemohon2 yang lulus atau mendapat keputusan yang lebeh baik dalam matapelajaran sains, hisab dan Bahasa Inggeris akan di-beri keutamaan.

Pemohon2 yang berjaya dipileh akan di-berikan alaon sara hidup sa-banyak $210.00 sa-bulan bagi tahun I dan II dan $225.00 sa-bulan bagi tahun III di-samping tempat tinggal serta kemudahan2 makan minum dan lain2 kemudahan asrama dengan perchuma.

Permohonan2 hendak-lah dibuat dalam borang yang dikhaskan yang boleh di-dapati dari Pejabat Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah sampai kapada-nya tidak lewat dari 29hb Mach 1980.

# *Dermasiswa untok melanjutkan pelajaran*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemohon2 ada-lah di-pelawa untok dipertimbangkan bagi mendapat Dermasiswa Kerajaan Kebawah DYMM untok menjalani kursus ijazah, ikhtisas atau sa-paroh ikhtisas di-luar negeri mulai tahun 1980 ini.

Jenis2 kursus yang di-tawarkan boleh di-dapati bersama dengan borang2 permohonan dermasiswa. Pelawaan ini ada-lah juga termasok untok pemberian dermasiswa Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Sa-tiap pemohon mesti-lah mempunyai kelulusan matapelajaran atau yang sabanding dengan-nya dan memenohi sharat akademik yang lazim bagi memasoki kursus yang di-pohonkan termasok kelulusan Bahasa Inggeris Perengkat Biasa.

Bagi pemohon2 yang akan mengikuti kursus ijazah atau ikhtisas, mereka mesti-lah lulus SAP/GCE sekurang2-nya dua di-Perengkat Lanjutan (Advance Level) dan tiga di-Perengkat Biasa (Ordinary Level) yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun pepereksaan berturut-turut serta tertaklok kapada kehendak penerimaan daripada tempat2 yang di-pohonkan.

Bagi kursus sa-paroh ikhtisas, pemohon2 mesti-lah lulus SAP (Perengkat-Biasa)/GCE (Ordinary Level) sekurang2-nya empat mata pelajaran yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun pepereksaan berturut-turut serta tertaklok kapada kehendak penerimaan daripada tempat yang di-pohonkan.

Kursus Bahasa Inggeris bagi penuntut aliran Melayu pula, pemohon2 mesti-lah lulus sa-kurang2-nya dua matapelajaran Perengkat Lanjutan (Advanced) dan satu mata pelajaran Perengkat Biasa (Ordinary) yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun pepereksaan berturut-turut dalam Aliran Melayu. Mereka mesti-lah belum memegang sa-barang jawatan tetap dengan mana2 pehak/majikan.

Pemohon2 mesti-lah bersedia patoh kapada peratoran2 yang sedang dan akan di-tentukan kemudian.

Borang2 permohonan dan lain2 keterangan yang berkaitan boleh di-perolehi daripada Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Pejabat Pelajaran Bandar Seri Begawan dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 22hb Mach, 1980. Permohonan2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Pemohon2 yang memenohi sharat2 untok di-pertimbangkan akan di-temuduga pada satu masa yang akan di-beritahu kelak.

# Perlawanan2 Polo di-teruskan

Dari muka 1

Pasokan Pulis Diraja Brunei dengan kedudokan, 11-4.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei mengalahkan Jerudong Park, 7-2½.

**Perlawanan 2hb Mach**

Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menewaskan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, 9-3 untok merebut Piala Presiden.

Selangor menewaskan Singapura 3-2½ untok merebut Piala Berakas.

Pasokan Jerudong Park menewaskan Pulis Diraja Brunei, 5-3 untok merebut Tropi J. R. Harris.

Hong Kong melawan Berlin untok merebut Wooden Spoon dan untok ini pasokan Berlin telah menewaskan Hong Kong dengan 4½-4.

Kesemua perlawanan2 itu telah di-langsongkan di-padang Polo Berakas dan Jerudong.

Oleh kerana chetakan akhir Pelita Brunei pada pagi kelmarin (Selasa), maka keputusan perlawanan hari itu tidak sempat di-muatkan. Bagaimana pun minggu depan, Pelita Brunei akan memuatkan liputan2 bergambar khas untok sekitar perlawanan polo tersebut.

# DYMM Yang Dipertuan Agong menyaksikan Perlawanan Polo

Dari muka 1

Sa-lepas itu Baginda Yang Dipertuan Agong telah di-junjong oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama sa-laku pemerentah perbarisan untok memereksa barisan kawalan kehormatan.

Sempurna memereksa barisan kawalan Baginda Yang Dipertuan Agong sekali lagi menerima tabek hormat Diraja dan kemudian-nya di-perkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kapada Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat YDM Pehin2 dan pegawai2 kanan Kerajaan dan seterus-nya beredar meninggalkan lapangan terbang menuju ka-tempat kediaman khas di-Istana Tetamu.

Dalam kunjongan tersebut Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta rombongan telah mengunjongi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerabat Diraja di-Istana Darul Hana pada sebelah petang-nya.

Kunjongan Baginda berdua kali ini merupakan kali kedua dan kali pertama sejak Baginda menjadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia yang ketujoh.

Baginda dan rombongan ada-lah di-jangka akan turut menyaksikan Perlawanan Polo Antarabangsa yang sedang berlangsong ketika ini dan akan bersembahyang Jumaat di-Masjid Omar Ali Saifuddin Jumaat ini.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.